

## **Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama**

*Rosni Samah*  
[rosni@usim.edu.my](mailto:rosni@usim.edu.my)  
*Fakulti Pengajian Bahasa*  
*Universiti Sains Islam Malaysia*

### **Abstrak**

Pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia telah pun bermula sejak dari tingkatan satu lagi. Subjek tersebut dibahagikan kepada empat kemahiran. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting kerana pelajar perlu menulis untuk menjawab peperiksaan. Isu yang timbul ialah pelajar lemah membina ayat dengan baik. Tujuan kajian ini adalah bagi melihat tahap pelajar dalam membina ayat melalui penyusunan perkataan, penyambungan ayat dan menulis karangan. Bagi mendapatkan data, satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian tersebut diedarkan kepada 200 pelajar lepasan sekolah menengah agama di Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap mereka dalam menyusun perkataan adalah baik. Dalam menyambung ayat pula adalah sederhana. Manakala dalam menulis karangan tahap mereka adalah lemah.

**Katakunci:** bahasa Arab, ayat, kelemahan, menulis, kemahiran.

## **Arabic Sentences Construction Among The Islamic Religious School Graduates**

### **Abstract**

Teaching of Arabic in Islamic religious schools in Malaysia starts since form one. The subject is divided into four skills. Writing skill is viewed as an important skill for students to master in order to answer exam questions. The current issue regarding students and their writing abilities are their inability to construct sentences properly. Hence, the purpose of this study is to investigate students' capability in building/constructing sentences through word arrangement, sentence extension and essay writing. To obtain the data, a set of questionnaires consisting of three parts were distributed to 200 secondary school leavers who are pursuing their studies at Islamic Science University of Malaysia. The result of this study shows that the students' level of capability in word arrangement is good. Their sentence constructions are generally acceptable. However, students are weak in essay writing.

**Keywords:** Arabic language, sentence, weakness, writing, skills.

## **Pengenalan**

Kemampuan pelajar membina ayat dapat mencerminkan penguasaan kemahiran bahasa asing. Hasil daripada kemampuan membina ayat, pelajar dapat menguasai kemahiran berbahasa seperti bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Dalam proses pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah, pelajar didedahkan dengan kaedah dan gaya penulisan yang baik. Begitu juga mereka dilatih menulis dengan baik. Kemahiran menulis ini juga dinilai dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara yang membuatkan pelajar sukar menulis bahasa Arab ialah struktur ayatnya yang mempunyai kesetaraan antara frasa nama dan frasa kerja. Pelajar menjadi keliru dalam membezakan pembinaan ayat tersebut. Secara keseluruhannya terdapat tiga tahap utama dalam pengajaran membina ayat yang diajar pada peringkat sekolah. Pertama membina ayat melalui penyusunan semula perkataan yang diberi. Kedua membina ayat melalui penyambungan ayat yang diberi dengan perkataan sendiri. Ketiga membina ayat melalui penulisan karangan. Kajian ini bertujuan melihat kemampuan lepasan sekolah menengah agama yang mengambil subjek Bahasa Arab dalam membina ayat melalui tiga tahap di atas.

## **Pernyataan masalah**

Pelajar sekolah menengah agama mempelajari subjek bahasa Arab sejak dari tingkatan satu. Dalam subjek tersebut mereka belajar cara-cara menulis ayat bahasa Arab. Begitu juga dalam peperiksaan, mereka dinilai tahap penulisan. Selepas tiga tahun belajar, mereka menduduki peperiksaan PMR dan selepas dua tahun kemudian, mereka menduduki peperiksaan subjek bahasa Arab di peringkat SPM. Dalam jangka masa yang panjang itu, sudah tentu mereka mampu menulis dengan baik. Che' Pee (1991) berpendapat kelemahan penguasaan bahasa Arab ini, disebabkan oleh kelemahan menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik. Kosa kata merupakan aset penting dalam membina ayat. Menurut Noorazman Mamat (2009) murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan memerlukan jawapan dalam bentuk penulisan. Terdapat juga yang memerlukan jawapan yang panjang.

Isu kelemahan menguasai bahasa Arab dalam kalangan pelajar sentiasa diperdebatkan (Kamarul Syukri, 2009). Dalam masa yang sama terdapat pelajar-pelajar lepasan sekolah agama yang kurang menguasai bahasa Arab. Kajian Kamarulzaman Abdul Ghani (2011) menunjukkan purata skor dalam mengukur tahap kebolehbacaan buku teks BATTE adalah 49 %, iaitu berada pada tahap kecewa yang melibatkan 96.47% daripada responden pelajar tingkatan empat di SMKA di Malaysia. Dalam kemahiran mendengar bahasa Arab pula, kajian Nik Mohd. Rahimi Nik Yusof et al. (2008) pencapaian pelajar dalam kemahiran tersebut secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

Kelemahan ini menyebabkan mereka gagal mengikuti kursus pada peringkat universiti dengan baik (Osman. 1990). Kajian yang dijalankan oleh Madihah Muhammad Yusof (2009) kepada pelajar tahun tiga dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, tentang tahap pengetahuan membina frasa nama bahasa Arab, menunjukkan hanya 10% sahaja pelajar yang mampu mengeluarkan ayat tersebut dari petikan yang diberi. Filzah Nawar (2011) mendapati 58% pelajar tidak mampu

menterjemah perkataan yang selalu berulang dalam bidang politik, 70% pelajar tidak mampu menterjemah perkataan yang selalu berulang dalam bidang ekonomi dan 68% pelajar tidak mampu menterjemah perkataan yang selalu berulang dalam bidang sukan. Beliau memilih seramai 32 pelajar dari program pendidikan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia sebagai sampel kajiannya. Kelemahan menguasai bahasa ini menyebabkan pelajar takut bercakap bahasa Arab. Kajian Muhamad Hanan (2011) yang dijalankan kepada 30 pelajar Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya mendapati 60% pelajar bersetuju dengan pernyataan mereka takut bercakap bahasa Arab sebab berlaku kesalahan bahasa dalam membina ayat.

Hanani Hasan (2011) menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar tahun akhir Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), tentang tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab yang selalu berulang dalam bidang pengajian Islam. Beliau mendapati tahap penguasaan mereka adalah lemah.

Bertolak dari pada permasalahan di atas, kajian ini cuba melihat tahap kemampuan pelajar lepasan SPM dalam membina ayat bahasa Arab. Persoalannya ialah kemampuan mereka membina ayat bahasa Arab dengan baik. Permasalahan ini diperjelaskan dengan persoalan berikut:

1. Apakah tahap kemampuan pelajar lepasan SPM dalam membina ayat bahasa Arab melalui penyusunan perkataan yang diberi?.
2. Apakah tahap kemampuan pelajar lepasan SPM dalam membina ayat bahasa Arab melalui penyambungan ayat dengan menggunakan ayat sendiri?
3. Apakah tahap kemampuan pelajar lepasan SPM dalam membina ayat bahasa Arab melalui penulisan karangan?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah bagi mengenal pasti:

1. Tahap membina ayat bahasa Arab melalui penyusunan perkataan yang diberikan.
2. Kemampuan membina ayat bahasa Arab melalui menyambung ayat dengan ayat sendiri.
3. Kemampuan membina ayat bahasa Arab melalui penulisan karangan pendek.

### **Sorotan Kajian**

Menulis merupakan satu cara berkomunikasi yang membolehkan pelajar mengungkapkan buah fikirannya, melahirkan perasaan dan menceritakan peristiwa. Pengajarannya hendaklah berpusatkan kepada tiga perkara: kemampuan menulis huruf dengan baik, kemampuan menulis perkataan dan kemampuan mengungkapkan, iaitu memilih perkataan yang betul dan menyusun mengikut susunan yang betul bagi menggambarkan makna yang diungkapkan (Hassan Shahatah, 1993).

Roselan Baki (2003) berpendapat, menghasilkan penulisan merupakan suatu proses yang kompleks. Oleh itu ia hendaklah dilaksanakan mengikut tahap-tahapnya secara

sistematik. Esah Sulaiman (2003) dalam Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd. Rahman (2011) mencadangkan pelbagai pendekatan pengajaran boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan murid dan pendekatan berpusatkan bahan. Dalam proses penulisan ini terdapat beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah memulakan penulisan dari kanan ke kiri, menulis huruf Arab, menulis perkataan dengan ejaan yang betul, membentuk susunan ayat yang betul dan dapat difahami oleh pembaca, dan menggunakan susunan ayat dalam perenggan yang betul (Salleh Abdul Majid al Arabi, 1981, hlm. 181)

Pelajar dapat menulis dengan baik sekiranya mereka dapat mengetahui perkara-perkara ini; mengenali huruf, menulis huruf, menulis huruf sambung, menulis perkataan, dan menulis ayat-ayat pendek.

### **Objektif Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Objektif pengajaran kemahiran menulis ini adalah bagi membolehkan pelajar mencapai perkara-perkara di bawah:

- Menulis huruf Arab dan mengetahui hubungan antara baris huruf dan bunyi sebutan.
- Menulis perkataan Arab dengan huruf bercerai dan huruf bersambung serta dapat membezakan baris huruf pada awal perkataan, pertengahan dan akhir.
- Memperkemaskan cara menulis dengan tulisan yang jelas dan betul.
- Memperkemaskan tulisan dengan tulisan *khat nasakh* atau *raq'ah* atau mana-mana yang lebih mudah.
- Memperbaiki penulisan yang bermula dari kanan ke kiri.
- Mengetahui tanda-tanda penulisan dan maksudnya serta penggunaannya.
- Mengetahui prinsip tulisan dan mengetahui perbezaan di antara sebutan dan penulisan seperti *tanwin*, *hamzah* dan *ta'*
- Menterjemahkan idea dalam bentuk penulisan dengan menggunakan susunan ayat yang betul.
- Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan perkataan yang betul dalam konteks ayat.
- Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul mengikut kaedah nahu.
- Menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapkan.
- Menulis dengan pantas bagi menggambarkan idea dalam bentuk ayat yang betul. (Muhammad Kamil al Naqah, 1985, hlm. 235-237).

### **Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Kemahiran menulis ini boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama, iaitu tulisan huruf, *khat* atau menulis perkataan dan karangan.

Mempelajari tulisan huruf boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama tulisan secara pindah, iaitu pelajar diajar menulis huruf bahasa Arab yang diberi petikannya kepada mereka. Berdasarkan kepada keratan petikan ini pelajar menyalin

semula ayat yang terdapat dalam petikan tersebut. Tujuan utama ialah bagi memperbaiki kemampuan pelajar untuk menulis huruf perkataan Arab. Peringkat ini dinamakan juga sebagai peringkat memindah dan menulis semula (Muhammad Abdul Qadir Ahmad, 1979). Noor Aainah Ag. Jaafar (2007) menyatakan program atau kaedah Salin dan Jalin banyak memberi peningkatan kepada pelajar.

Antara sebab-sebab yang perlu diberi perhatian dalam menulis bahasa Arab ialah:

- Kesukaran menulis ayat yang bermula daripada kanan ke kiri khususnya kepada mereka yang biasa menulis dari kiri ke kanan.
- Perbezaan menulis huruf Arab daripada huruf rumi yang menjadi huruf kepada kebanyakan bahasa.
- Perbezaan bentuk huruf dalam bahasa Arab dengan terdapatnya perbezaan pada awal perkataan, pertengahan dan akhir.
- Perbezaan bentuk menulis huruf dengan berbeza kedudukannya dalam perkataan seperti huruf ع - ع - ع
- Perbezaan bentuk huruf dengan perbezaan jenis penulisan seperti *khat naskh*, *ruk'ah* dan sebagainya.
- Kesukaran juga terdapat kepada beberapa huruf yang ditulis tetapi tidak disebut dan sebaliknya.
- Kesukaran menulis *tanwin*, huruf berganda, *ta' marbutah* dan *ta'* terbuka dan sebagainya.
- Kesukaran yang ketara ialah titik kepada perkataan yang serupa wajahnya seperti titik satu, dua dan tiga. Sebagai contoh huruf ت ب ث. (Muhammad Kamil al Naqah, 1985, hlm. 241-242).

Bertolak daripada kesukaran ini bagi pelajar pada peringkat permulaan, tulisan peringkat pertama ini diperkenalkan supaya mereka dapat memperbaiki kelemahan dan dapat melihat cara dan kaedah menulis dengan betul. Mereka berpeluang melihat contoh keratan yang diberi kemudian cuba menulis dengan betul.

Guru tidak semata-mata meminta pelajar menulis keratan yang diberinya sahaja. Sebaliknya guru hendaklah menerangkan kepada pelajar tentang huruf-huruf yang boleh disambung dan yang tidak boleh, supaya pelajar dapat membezakannya. Pelajar hendaklah diajar cara menulis perkataan terlebih dahulu. Kemudian barulah diikuti dengan cara membariskan perkataan tersebut. Ini kerana baris perkataan menjadi mudah selepas perkataan ditulis (Judat al Rukabi, 1973, hlm. 152-153).

Terdapat beberapa latihan yang boleh diaplikasikan dalam latihan menulis pada peringkat ini. Antaranya ialah:

- Memberi soalan kefahaman yang jawapannya hanya perlu ditulis semula daripada teks bacaan.
- Memberi beberapa perkataan yang tidak tersusun dan meminta pelajar menyusunkannya dan menulisnya kembali.
- Menulis semula daripada teks ayat-ayat petikan yang dapat menarik minat pelajar.

- Latihan menulis ayat yang dapat ditukar susunannya dan dapat membentuk beberapa ayat lain daripada ayat asal.

Bahagian kedua ialah tulisan Pandang-Tulis. Dimaksudkan di sini ialah tulisan yang berbentuk lihat teks kemudian menulis semula atau melihat kepada petikan kemudian menulis semula seperti yang dibaca oleh guru (Muhammad Abdul Qadir Ahmad, 1979). Bagi menjayakan tulisan ini beberapa aktiviti perlu dilaksanakan.

Pelajar disediakan dengan petikan untuk dibaca dengan teliti. Petikan tersebut dibincang dengan teliti dari sudut tulisannya dan dikeluarkan perkataan-perkataan yang sukar ditulis. Guru hendaklah menulis di hadapan pelajar perkataan-perkataan tersebut. Kemudian mereka diminta menulis semula petikan tersebut dengan dibacakan kepada mereka. Melalui pendengaran, pelajar hendaklah cuba menulis dengan baik ayat yang mereka dengar.

Pelajar juga diminta menghafal beberapa ayat pendek dan meneliti tulisannya. Kemudian mereka diminta menulis ayat tersebut dengan diberi kelonggaran merujuk semula petikan sekiranya perlu. Pelajar diminta menulis semula ayat-ayat dalam petikan yang mereka telah pelajari. Kemudian mereka diminta melihat kembali tulisan tersebut dan cuba memperbaiki kesalahannya.

Tulisan ini juga dapat memberi galakan kepada pelajar untuk terus menulis. Ia dapat memberi motivasi tinggi kepada pelajar untuk terus menulis dan cuba menulis penulisan yang lebih banyak lagi. Pelajar juga hendaklah digalakkan menulis ayat-ayat yang mereka gemari. Kegemaran ini hendaklah diasah dan dipertingkatkan (Rosni Samah, 2009). Terdapat beberapa aktiviti yang dapat membantu pelajar bagi meningkatkan motivasi mereka. Antaranya ialah:

- a. Dibekalkan kepada pelajar bahan-bahan dan juga petikan ayat-ayat yang boleh menarik minat mereka. Kemudian mereka diminta untuk menukar perkataan atau ayat-ayat yang terdapat dalam petikan tersebut dengan ayat-ayat daripada mereka sendiri yang tidak mengubah makna asalnya.
- b. Pelajar dibekalkan dengan petikan-petikan dan ayat-ayat yang setara dengan pencapaian mereka. Kemudian diminta mengubah ayat-ayat tersebut dengan penambahan dan ubah suai yang dapat memberi pelbagai maklumat. Ubah suai boleh dibuat dengan perubahan susunan ayat daripada frasa nama kepada frasa kerja dan sebagainya.
- c. Memberi beberapa gambar yang menarik. Kemudian meminta mereka menulis tentang gambaran yang terdapat dalam gambar-gambar tersebut. Sebelum memulakan penulisan, guru hendaklah berbincang terlebih dahulu bagi membentuk ayat yang menggambarkan gambaran yang hendak ditulis.

Bahagian ke tiga ialah Tulisan Ujian yang berasaskan kepada tiga kemampuan asas yang terdiri daripada kemampuan mendengar, kemampuan mengingati dan kemampuan meletakkan bahan pendengaran dalam bentuk penulisan (Muhammad Abdul Qadir Ahmad, 1979). Ketiga-tiga kemampuan ini bergerak serentak dalam masa yang sama.

Tulisan Ujian ini bertujuan bagi mengukuhkan hubungan antara mendengar suara dan menulis huruf perkataan yang dipelajari oleh pelajar melalui bacaan. Pelajar yang tidak mampu membaca dan menyebut dengan baik sudah tentu tidak dapat menulis perkataan dengan baik. Begitu juga ia bertujuan bagi menguji dan menilai perkembangan ingatan melalui mendengar. Tulisan ini ialah satu cara bagi menguji pendengaran, gambaran dalaman dan mendapatkan hubungan yang terdapat dalam bentuk penulisan.

Pada peringkat permulaan tulisan ini, petikan hendaklah diambil daripada bahan yang menjadi kebiasaan kepada pelajar seperti bahan rujukan dan sukatan mereka. Ini supaya bahan yang mereka hendak menulis itu tidak menjadi janggal dan memudahkan mereka. Bahan yang mudah dan selalu didengari oleh pelajar akan memudahkan mereka untuk menulis. Bahan-bahan yang sukar dan tidak menjadi kebiasaan kepada mereka akan menyusahkan mereka dan menurunkan minat mereka untuk menulis. Pemilihan bahan ini penting bagi menjayakan tulisan seperti ini supaya proses penulisan dapat memberi motivasi kepada mereka.

Bagi menjayakan tulisan ini, guru hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara seperti di bawah:

- Membaca teks dengan kadar sederhana cepatnya supaya pelajar dapat mengikuti dan menulis dengan sempurna. Sebutannya hendaklah jelas dan terang.
- Bacaan teks hendaklah selari dengan kelajuan menulis pelajar dan janganlah bacaan terlalu lambat atau cepat yang boleh mencacatkan proses penulisan.
- Guru hendaklah menyebut perkataan dengan tepat mengikut sebutan dan tekanan suara.
- Perkataan hendaklah disebut kali pertama sahaja supaya pelajar dapat menulis. Kemudian mengulangnya kali kedua bagi memberi peluang kepada pelajar untuk memperbaikinya.
- Guru sepatutnya tidak melayan permintaan pelajar lain untuk mengulangi perkataan yang tidak didapatinya semasa proses penulisan berjalan.
- Guru hendaklah memberi perhatian sepenuhnya kepada pelajarannya dengan memerhati kemahiran mereka supaya kelayuan sebutan dapat diselaraskan dengan kemahiran mereka.
- Selepas membaca teks, guru hendaklah memberi peluang kepada pelajar menyemak tulisan mereka sebelum menghantar. Ini bagi membolehkan mereka menyempurnakan apa yang tertinggal.
- Pelajar hendaklah selalu diperingatkan bahawa tulisan tidaklah semata-mata ujian menulis sahaja, bahkan ia merupakan ujian kemampuan mendengar dan memahami dalam masa yang sama.
- Guru hendaklah memberi perhatian terhadap kemampuan pelajar. Bagi mereka yang mampu menulis bahan biasa, guru hendaklah memilih bahan yang tinggi sedikit daripada kemampuan mereka. Pemilihan bahan ini hendaklah selari dengan kemampuan pelajar supaya kemahiran menulis dapat disemai dan dimajukan (Hassan Shahatah, 1993, hlm. 344).

Membina ayat merupakan peringkat permulaan dalam proses membina kemahiran menulis dalam mempelajari bahasa asing. Ia merupakan langkah awal bagi mengenali

penulisan. Pelajar yang dapat melepasi tahap kemahiran membina ayat, sudah tentu mereka dapat mempelajari kemahiran menulis dengan baik. Ini kerana kemahiran menulis memerlukan beberapa perkara asas seperti kemampuan menulis perkataan, kemampuan menggunakan ayat dan kemampuan mengungkapkan ungkapan supaya dapat ditulis dengan baik.

Menurut Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) dan Yahya Othman (2005) penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat sahaja, bahkan ia dipengaruhi oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Bagi menjayakan kemahiran ini, penguasaan peringkat asas adalah dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan akhirnya menulis sebuah wacana yang dapat difahami.

### **Kemahiran Menulis Karangan**

Bagi memulakan kemahiran menulis ini, pelajar hendaklah mengetahui menulis perkataan dengan betul. Mereka memiliki kosa kata yang banyak bagi mengungkapkan ayat-ayat pendek. Mereka mempunyai kemahiran memahami dalam bacaan. Di samping itu juga, mereka memiliki kemahiran membina ayat yang betul. Mereka juga mengetahui kaedah-kaedah bahasa yang dapat membantu mereka untuk menulis. Di peringkat ini mereka hendaklah diberi kebebasan untuk menulis dan mengungkap pemikiran mereka sendiri. Mereka mampu menulis ayat-ayat pendek berdasarkan bacaan dan pendengaran mereka..

Bagi menjayakan peringkat ini beberapa aktiviti dicadangkan seperti di bawah:

- Boleh digunakan pendekatan lengkapkan ayat. Melengkapkan ayat di peringkat ini hendaklah lebih terbuka dan luas. Pelajar bebas memilih ayat untuk dilengkapkan. Begitu juga mereka bebas menulis ayat-ayat yang panjang bagi menyempurnakan makna ayat yang diberi. Jawapan melengkapkan ayat di sini berbeza di antara pelajar. Ada yang menjawab dengan pelbagai jawapan mengikut kemahiran mereka.
- Menggunakan latihan ganti ayat. Pelajar boleh didedahkan dengan latihan ganti ayat bagi membolehkan mereka menulis ayat sendiri tentang soalan yang dikehendaki. Melalui menulis ayat inilah kemahiran menulis akan dapat dicapai. Mereka dapat menulis pelbagai ayat yang menggambarkan makna yang dikehendaki.
- Menggunakan latihan sempurnakan ayat. Latihan ini penting bagi pelajar untuk membina kemahiran menulis. Pelajar boleh menulis pelbagai ayat bagi menyempurnakan ayat yang diberikan itu. Mereka bebas memilih ayat dan mengungkapkannya.
- Menggunakan latihan membina ayat melalui perkataan yang diberikan (Muhammad Abdul Qadir Ahmad, 1979, hlm. 218).

Hasil dari pada aktiviti ini, pelajar mampu menulis karangan dengan baik. Dalam menjayakan penulisan ini, beberapa strategi hendaklah diaplikasikan. Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) mengemukakan beberapa strategi dalam



kemahiran menulis. Antaranya ialah merancang sebelum mengajar menulis, pengajaran hendaklah berpusat kepada murid, bermula dengan ayat mudah kemudian ke sukar, menyemak hasil penulisan pelajar, memberi pendedahan sebelum mengajar, mengadakan pemulihan kepada murid lemah dan memilih bahan dan alat bantu mengajar yang sesuai.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti tahap membina ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan sekolah agama. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian deskriptif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan set ujian yang disediakan telah dipilih bagi menjayakan kajian ini. Set ujian tersebut telah melalui proses kesahan pakar oleh pakar Arab dalam pendidikan bahasa Arab, iaitu Profesor Ali Ahmad Madkur, Profesor di Institut Pendidikan, Universiti Kaherah, Mesir. Bilangan soalan dari pada setiap bahagian dikemukakan melebihi 10 soalan daripada yang dikehendaki. Setiap soalan diberi 10 markah mengikut kesesuaian pemilihan perkataan, penggunaan perkataan, bilangan perkataan dan kesukaran perkataan. Sebanyak 10 soalan daripada setiap bahagian yang mendapat markah terendah ditolak. Soalan yang mendapat markah tertinggi sahaja dipilih bagi setiap bahagian.

Set ujian ini dibina untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A adalah tentang latar belakang responden. Bahagian B bagi mendapatkan maklumat tentang kemahiran membina ayat melalui menyusun perkataan yang disediakan. Ayat tersebut terdiri dari frasa nama dan frasa kerja. Bahagian C membina ayat melalui penyambungan ayat yang diberi dengan perkataan sendiri. Bahagian D membina ayat melalui penulisan karangan pendek. Analisis kekerapan, peratus dan min digunakan untuk mendapatkan data tentang kemampuan membina ayat. Sampel kajian dipilih seramai 200 pelajar lepasan sekolah agama yang sedang mengikuti pengajian dalam bahasa Arab di USIM. Jumlah tersebut diambil dari populasi seramai 1149 pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab 1 sesi pengajian 2007/2008. Mereka dipilih secara rawak sebanyak 10 kelas bahasa.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Dapatan kajian ini ialah hasil daripada analisis borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian utama dalam menilai tahap kemahiran membina ayat di kalangan lepasan sekolah menengah. Hasil dapatan ini menunjukkan objektif kajian ini tercapai dan persoalannya terjawab. Bahagian pertama ialah melihat tahap pelajar membina ayat melalui penyusunan perkataan yang diberikan. Ayat tersebut terbahagi kepada frasa nama dan frasa kerja. Pelajar diminta menyusun perkataan yang diberikan mengikut keperluan ayat. Terdapat 10 frasa kerja yang perlu dibina oleh pelajar dan 15 frasa nama. Jumlah frasa nama lebih banyak dari pada jumlah frasa kerja kerana frasa nama hampir sama dengan frasa nama dalam bahasa Melayu. Ini memudahkan mereka membina ayat tersebut. Panjang ayat yang diberikan adalah di antara lima dan tujuh perkataan.

Jadual 1: Membina ayat melalui penyusunan perkataan

Ayat	Betul (%)
Frasa kerja	66.5
Frasa nama	79.33
Jumlah	72.92

Dari pada dapatan tersebut menunjukkan pelajar mampu membina frasa nama dengan peratus 79.33. Ini disebabkan struktur frasa nama hampir sama dengan struktur frasa nama dalam bahasa Melayu (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009, 2011). Walaupun begitu, mereka kurang berkemampuan dalam membina frasa kerja. Ini disebabkan mereka terpengaruh dengan bahasa Melayu yang kurang penggunaan frasa kerja (Mahmud Muhamad Ali & Mikail Ibrahim. 2007) . Berdasarkan set ujian, kesilapan yang banyak berlaku ialah salah memilih perkataan untuk pelaku bagi kata kerja. Mereka keliru dalam menyusun struktur ayat terutama jika terdapat perkataan yang hampir sama maknanya untuk pelaku. Secara keseluruhannya, mereka masih mampu membina ayat dengan baik dengan peratus keseluruhan 72. 92.

Bahagian kedua ialah mengenal pasti kemampuan pelajar membina ayat melalui penyambungan ayat dengan menggunakan ayat sendiri. Pelajar bebas menggunakan ayat-ayat yang sesuai dengan makna yang dikehendaki. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga pecahan. Pertama menyambung ayat dengan predikat pendek. Ayat yang perlu disambung sekitar satu hingga tiga perkataan. Kedua, menyambung ayat dengan ayat pendek. Ayat yang perlu disambung sekitar tiga hingga lima perkataan. Ketiga pula menyambung ayat dengan ayat panjang. Ayat yang perlu dilengkapkan di antara lima dan tujuh perkataan. Setiap pecahan diberi lima soalan. Jumlah keseluruhan ialah 15 soalan dikemukakan kepada pelajar.

Jadual 2: Membina ayat melalui penyambungan ayat dengan perkataan sendiri.

Ayat	Betul (%)
Penyambung peradikat	62.0
Penyambung ayat pendek	60.4
Penyambung ayat panjang	66.4
Jumlah	62.93

Hasil dapatan menunjukkan mereka mempunyai tahap sederhana dalam membina ayat melalui penyambungan ayat dengan perkataan sendiri. Ini disebabkan mereka tidak banyak mempunyai kosa kata untuk dipadankan dengan ayat yang diberikan. Begitu juga mereka kurang menguasai kaedah membina ayat yang menyebabkan penyambungan mereka tidak tepat (Noor Azizi Ismail et al., 2007). Kemampuan mereka agak menyerlah ketika menyambung ayat panjang dengan 66.4 jika dibandingkan dengan bahagian yang lain. Ini disebabkan ayat panjang mempunyai gaya bebas jika dibandingkan dengan ayat pendek.

Bahagian ketiga ialah melihat tahap membina ayat melalui karangan pendek. Pelajar diberi dua tajuk dan diminta memilih tajuk yang sesuai untuk ditulis. Sudut bahasa yang dinilai ialah menggunakan perkataan dengan makna yang betul, frasa nama dan frasa kerja dibina dengan betul, menggunakan kaedah bahasa yang betul dan makna disampaikan dengan baik. Karangan tersebut diberi markah di antara 0 hingga 10.

Jadual 3: Membina ayat melalui penulisan karangan.

Markah	Pelajar (%)
8	4.0
7	4.0
6	8.0
5	14.0
4	38.0
3	6.0
2	2.0
0	24.0

Dapatan bahagian ini menunjukkan pelajar lemah dalam membina ayat sendiri dalam penulisan karangan. Mereka kurang memiliki kosa kata dan kaedah membina ayat. Hanya 4.0% sahaja yang mendapat markah tertinggi 8 dan 4.0% lagi mendapat 7 markah. Manakala 8.0% mendapat 6 markah. Keseluruhan 16.0% sahaja yang mendapat 6 markah ke atas.

Kesalahan yang banyak dilakukan ialah dari sudut memilih perkataan yang tepat untuk menggambarkan sesuatu makna. Perkataan yang digunakan tidak betul dari sudut imbuhan, kata terbitan dan juga kata kerja. Begitu juga kesalahan dalam kaedah penyusunan ayat. Mereka tidak menyusun perkataan untuk dijadikan ayat yang betul. Sebaliknya mereka hanya meletak perkataan tanpa melihat struktur susunannya. Terdapat

juga ayat yang tidak lengkap dan tidak difahami. Ini berlaku kerana kelemahan dalam pemilihan perkataan dan tatabahasa (Mahmud Muhamad Ali & Mikail Ibrahim. 2007) Kajian Yayan Nurbaya (2011) menunjukkan pelajar banyak melakukan pelbagai kesalahan dalam menulis bahasa Arab, terutama dari sudut linguistik dan memilih ayat yang sesuai dengan makna yang dikehendaki. Mereka perlu menguasai sudut ini untuk mempertingkatkan lagi penulisan.

## **Penutup**

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat tiga tahap yang berbeza dalam kemampuan membina ayat di kalangan responden. Objektif kajian ini juga tercapai dengan dapatan tersebut. Objektif pertama untuk melihat tahap menulis ayat bahasa Arab melalui penyusunan perkataan yang diberikan menunjukkan tahap mereka memuaskan dengan pencapaian keseluruhan 79.33%. Ini menunjukkan mereka lebih mudah membina ayat melalui penyusunan perkataan yang disediakan. Mereka tidak perlu memikir dan memilih perkataan yang hendak disusun.

Objektif kedua bagi melihat kemampuan menulis ayat bahasa Arab melalui menyambung ayat dengan ayat sendiri, menunjukkan tahap mereka sederhana sahaja dengan 62.93%. Ini menunjukkan bahawa mereka kurang mampu membina ayat dengan ayat sendiri. Dapatan ini menunjukkan mereka kurang memiliki kosa kata dan tata bahasa membina ayat.

Objektif ketiga untuk mengenal pasti kemampuan menulis ayat bahasa Arab melalui penulisan karangan pendek membuktikan bahawa tahap mereka adalah lemah. Hanya 16.0% sahaja yang mendapat 6 markah ke atas. Ini menunjukkan bahawa mereka lemah menguasai bahasa Arab. Kelemahan ini berpunca dari kelemahan menguasai kosa kata dan kaedah nahu. Tanpa kosa kata dan tata bahasa mereka tidak berupaya mengungkap bahasa bagi menjelaskan situasi.

Bagi mengatasi masalah ini, objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu dilihat semula. Pendekatan P&P perlu dikaji dan dinilai keberkesannya. Zawawi Ismail (2011) menyatakan guru-guru hanya menggunakan beberapa teknik sahaja dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Mereka mengabaikan teknik-teknik tertentu yang dapat membantu penguasaan pelajar. Begitu juga mereka sangat kurang menggunakan teknik karangan berangkap dalam pengajaran.

Bagi menggalakkan pelajar menulis, motivasi perlu ditingkatkan. Sukatan dan juga kaedah penyampaian dalam kelas perlu diperbaiki bagi menarik minat pelajar (Ainol Madziah Zubairi dan Isarji Hj. Sarudin, 2009). Dalam pengajaran bahasa asing, kosa kata adalah aset penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa. Pelajar hendaklah dibekal dan didedahkan dengan teknik penguasaan kosa kata yang pelbagai supaya mereka boleh mengumpul seberapa banyak kosa kata yang mampu supaya dapat

mengungkapkan ayat dengan mudah. Begitu juga gaya bahasa hendaklah didedahkan dan tata bahasa tentang membina ayat hendaklah ditekankan.

### **Penghargaan**

Terima kasih kepada Universiti Sains Islam Malaysia di atas geran penyelidikan yang disumbangkan bagi menjayakan penyelidikan ini. Kod penyelidikan: P(1)E/2006.

### **Rujukan**

Ahmad Khair Mohd. Nor. (2005). Menulis membina keterampilan berfikir. *Pelita Bahasa*, 18(7), 12-14.

Ainol Madziah Zubairi dan Isarji Hj. Sarudin. (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 9(2), 73-87.

Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd. Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.

Che' Pee Che' Hanafi. (1991). Pelajar sekolah menengah agama: Cabaran dan masa hadapan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 3, 13-16.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2009). Struktur sintaksis frasa nama bahasa Bateq. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 9(1), 47-61.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2011). The syntactic structure of a noun phrase: Austroasiatic vs. Austronesia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(1), 263-271.

Filzah Nawar. (2011). *Tarjumat kalimaat sahafiyah lada talabah wa talibaat sanah thalithah bi jami'ah ulum islamiyyah maliziyyah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Hanani Hasan.(2011). *Ma'rifah mufradaat fi maqalah islamiyyah lada talabah sanah rabi'ah kulliyah syariah wa qanun fi jami'ah ulum islamiyyah maliziyyah li 'am dirasi 2010/2011*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Hassan Shahatah. (1993). *Ta'lim al lughah al arabiyah bai al nadzariyyah wa al tatbik*. Cairo: Dar al Masriyyah al Lubnaniyyah.

Judat al Rukabi. (1973). *Turuq tadrīs al lughah al arabiyah*. Beirut: Dar al Fikri.

- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kebolehbacaan buku teks bahasa arab tinggi berasaskan ujian kloz dalam kalangan pelajar di SMKA. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2), 53-66.
- Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2009). Strategi metafizik: kesinambungan penerokaan domain utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.
- Madiah Muhammad Yusuf. (2009). *Mustawa ma'rifah jumal ismiyyah lada talabah wa talibaat sanah thalithah bi kulliyah dirasaat quran wa sunnah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahmud Muhamad Ali & Mikail Ibrahim. (2007). Tahlil akhta' lughawiyyah lada tullab wa talibat jamiah ulum islamiyyah (USIM). *Prosiding Seminar Islamiyyat Lughah wa Adab fi Bina Hadhari li Ummah Islamiyyah*. Universiti Islam Antarabangsa, hlm. 359-376.
- Muhamad Hanan. (2011). *Asbab khauf lada talabah jami'ah malaya fi kulliyah islamiyyah fi muhadathah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Abdul Qadir Ahmad. (1979). *Ta'lim al lughah al arabiyyah*. Cairo: Maktabah Nahdhah Masriyyah.
- Muhammad Kamil al Naqah. (1985). *Ta'lim al lughah al arabiyyah linnatiqina biha*. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.
- Noorazman Mamat. 2009. Panduan menulis karangan. (Atas talian). Muat turun 10 Jun 2011, dari <http://karanganbagus.blogspot.com>
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Zamri Mahamod dan Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 33, 3-18
- Noor Aainah Ag. Jaafar. (2007). Meningkatkan keupayaan menulis karangan sepanjang sekurang-kurangnya 350 patah perkataan dalam masa ditetapkan menggunakan kaedah salin dan jalin. (Atas talian). Muat turun 10 Jun 2011, dari <http://www.smkmajakir.net/modules/news/Jurnal%20Munsiyi/Noor%20Aainah.pdf>
- Noor Azizi Ismail, Wan Azura Wan Ahmad dan Lubna Abdul Rahman. (2007). Tahlil kitabah arabiyyah: Dirasaat fi jamiah ulum islamiyyah (USIM). *Prosiding Seminar Islamiyyat Lughah wa Adab fi Bina Hadhari li Ummah Islamiyyah*. Universiti Islam Antarabangsa (hlm. 309-318).

- Osman Khalid. (1990). Ta'lim al-lughah al-arabiyyah fi jamiah al-mahalliyyah: Qadiyyah al-jamiah al-wataniyyah. *Kertas Kerja Seminar Peningkatan Pengajaran Bahasa Arab*. Universiti Islam Antarabangsa. Kuala Lumpur, 25-28 Ogos.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rosni bin Samah. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Salleh Abdul Majid al Arabi. (1981). *Ta' alumul lughatul haiyyah wa ta' alimuha*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*, Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Yayan Nurbayan. (2011). Using the imitating model techniques on insya teaching for improving the student's writing ability in thesis. *International Journal for Education Studies*, 4(1), 99-106.
- Zawawi Ismail. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2), 67-83.

### **Penulis**

Rosni Samah (Ph.D) merupakan seorang Profesor Madya di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang pengkhususan berkaitan sastera bandingan, sastera Islam moden dan pengajaran bahasa Arab. Mantan dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.